

## **Kewujudan Leksis Periferal Arab, Sino-Tibetan dan Dravidian dalam Leksikon Melayu dalam Konteks Pengantarabangsaan Bahasa Melayu di Alam Malaynesia**

### **ABSTRACT**

Leksis periferal merupakan kosa kata tambahan yang datangnya daripada pelbagai bahasa berlainan rumpun. Hubungan perdagangan, keagamaan dan hubungan diplomatik telah banyak mempengaruhi kemasukan dan penyebaran rumpun bahasa Arabo (Arab), SinoTibetan (Cina) dan Dravidian (Tamil) di alam Malaynesia. Ramai masyarakat kurang mengetahui kewujudan leksis Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian yang diserap ke dalam bahasa Melayu merupakan leksis asal bahasa tersebut yang telah diubah sebutannya mengikut sebutan Melayu Malaynesia. Selain itu, terdapat juga segelintir masyarakat yang beranggapan bahawa bahasa Melayu tidak mampu menjadi bahasa antarabangsa dan merupakan salah satu bahasa utama dunia. Oleh itu, kajian ini dilakukan dengan menyenaraikan dan menganalisis perubahan fonologi dan morfologi leksis Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian yang diserap ke dalam bahasa Melayu. Di samping itu, kajian ini juga menjelaskan bahawa leksis periferal dapat membina keantarabangsaan bahasa Melayu. Hasilnya, kajian ini akan menunjukkan bahawa bahasa Melayu itu bersifat fleksibel dengan menyerap pelbagai leksis asing khususnya leksis Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian yang mana leksis-leksis tersebut diasimilasi mengikut sebutan dan bentuk bahasa Melayu Malaynesia. Penyerapan leksis menunjukkan bahawa bahasa Melayu bersifat supranasional, dapat menarik minat penutur asing untuk mempelajari bahasa Melayu serta menjadi strategi komunikasi berkesan. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dengan merujuk buku teks, dokumentasi-dokumentasi berkaitan serta pelbagai bahan bertulis dan laman sesawang.